

KAWAL GAYA BERBELANJA IKUT KEMAMPUAN

Oleh: JHEAINS

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

وَالَّذِينَ إِذَا أَنْفَقُوا لَمْ يُسْرِفُوا وَلَمْ يَقْتُرُوا وَكَانَ بَيْنَ ذَلِكَ قَوَامًا ﴿٦٧﴾
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى الْهَادِي الْبَشِيرِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ
اهْتَدَى بِهَدَاهُمْ عَلَى الدَّوَامِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

SIDANG JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Marilah kita semarakkan kehidupan yang sementara di dunia ini dengan sentiasa mengingati Allah dengan melaksanakan segala suruhan-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi orang yang bertakwa dan beroleh kebaikan di dunia dan di akhirat.

Firman Allah SWT:

فَاذْكُرُونِي أَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لِي وَلَا تَكْفُرُونِ ﴿١٥٢﴾

Maksudnya: “Oleh itu, ingatlah kamu kepada-Ku (dengan mematuhi hukum dan undang-undang-Ku), supaya Aku membalas kamu dengan kebaikan; dan bersyukurlah kamu kepada-Ku dan janganlah kamu kufur (akan nikmat-Ku).” (S. Al-Baqarah: 152).

HADIRIN JEMAAH YANG DIKASIHI ALLAH SWT,

Kesederhanaan amat dituntut oleh Islam terutama dalam soal makan minum, berpakaian, perbelanjaan dan sebagainya. Ini kerana kesederhanaan dapat menjana sifat berjimat cermat sekali gus menghindarkan sifat melampau dan berlebih-lebihan yang dibenci Allah SWT.

Hal ini Allah SWT tegaskan melalui firman-Nya:

يَبْنِي ۚ آدَمَ خُذُوا زِينَتَكُمْ عِنْدَ كُلِّ مَسْجِدٍ وَكُلُوا وَاشْرَبُوا وَلَا تُسْرِفُوا ۚ إِنَّهُ لَا يُحِبُّ

الْمُسْرِفِينَ ﴿٣١﴾

Yang bermaksud: “Wahai anak-anak Adam! Pakailah pakaian kamu yang indah berhias pada tiap-tiap kali kamu ke tempat ibadat (atau mengerjakan sembahyang), dan makanlah serta minumlah, dan jangan pula kamu melampau-lampau; sesungguhnya Allah tidak suka akan orang-orang yang melampaui batas.” (S. Al-A'raaf: 31).

Allah SWT membenci mereka yang melampaui batas serta berlebih-lebihan kerana tabiat itu boleh mendorong kepada perlakuan boros dan pembaziran. Sedangkan perbuatan boros dan membazir itu sangat dilarang oleh Allah SWT sehingga diancam menjadi saudara syaitan yang kufur.

Firman Allah SWT:

... وَلَا تُبْذِرْ تَبْذِيرًا ﴿٢٦﴾ إِنَّ الْمُبْذِرِينَ كَانُوا إِخْوَانَ الشَّيْطَانِ ط وَكَانَ الشَّيْطَانُ لِرَبِّهِ كَفُورًا

Maksudnya: “...Dan janganlah engkau membelanjakan hartamu dengan boros yang melampau-lampau. Sesungguhnya orang yang boros itu adalah saudara syaitan, sedang syaitan itu pula adalah makhluk yang sangat kufur kepada Tuhannya.” (S. Al-Israa': 26-27).

Oleh hal yang demikian, meskipun berkemampuan dari segi harta untuk membeli ini dan itu semahumahnya, ia bukanlah alasan untuk berbelanja boros sehingga membazir. Ancaman digolongkan sebagai saudara syaitan seharusnya memotivasi setiap umat Islam untuk menjauhi tabiat boros dan membazir dalam soal perbelanjaan harian. Pendek kata, berbelanjalah mengikut keperluan dan kemampuan, bukannya menurut kemahuan nafsu.

KAUM MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,

Rata-rata rakyat semakin gusar dengan fenomena kenaikan harga barang keperluan dan perkhidmatan sejak akhir-akhir ini. Suatu ketika, fenomena ini dikaitkan dengan kenaikan harga minyak di pasaran dunia. Tetapi ironinya, apabila harga minyak jatuh merudum sehingga ke paras harga tahun 70-an, harga barang dan perkhidmatan tetap juga naik. Ini membuktikan bahawa harga bahan bakar bukanlah penentu mutlak harga barang keperluan dan perkhidmatan di pasaran.

Dan seperti mana lazimnya, bukan setakat rakyat biasa terpaksa menerima sahaja fenomena ini, malahan ada kalanya pihak berkuasa pun tidak boleh berbuat apa-apa kerana ia dilihat sebagai sebahagian daripada lumrah atau adat resam dalam perniagaan. Hakikat ini mengisyaratkan ada faktor lain yang menyumbang kepada kenaikan harga barang keperluan dan perkhidmatan. Antara faktor berkenaan termasuklah kadar permintaan dan penawaran semasa di samping pertambahan jumlah penduduk.

Justeru, keenaikan harga barang keperluan dan perkhidmatan tertentu yang kita hadapi hari ini tidak akan dapat diatasi dengan rungutan, keluhan dan menuding jari kepada pihak tertentu sebagai sebab-musababnya. Sebaliknya, kita harus menanggapi fenomena ini secara positif sebahagian daripada ujian dan cabaran hidup yang mahu tidak mahu terpaksa kita hadapi dan tempuhi dengan emosi yang tenang dan tindakan yang bijaksana. Melalui ujian kenaikan harga ini, Allah antara lain mahu menguji tahap keimanan kita selain menguji sejauh mana tahap kebijaksanaan kita dalam berfikir mencari jalan bagi menangani situasi dengan berhemah.

PARA JEMAAH YANG DIMULIAKAN ALLAH SWT,

Dalam mendepani kenaikan harga barang keperluan dan perkhidmatan akhir-akhir ini, adalah amat wajar bagi kita semua mengamalkan kesederhanaan dan berjimat cermat. Kita harus mendisiplinkan diri untuk membeli barang yang benar-benar perlu sahaja dalam ruang lingkup kemampuan kita. Jangan sesekali berbelanja melebihi pendapatan atau di luar kemampuan kerana tabiat itu boleh menjerumuskan diri kepada bahana hutang dan muflis.

Di dalam al-Quran Allah SWT berfirman:

لِيُنْفِقَ ذُو سَعَةٍ مِّن سَعَتِهِ ۗ وَمَن قُدِرَ عَلَيْهِ رِزْقُهُ فَلْيُنْفِقْ مِمَّا آتَاهُ اللَّهُ لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا
مَا آتَاهَا سَيَجْعَلُ اللَّهُ بَعْدَ عُسْرٍ يُسْرًا ﴿٧﴾

Maksudnya: "Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya; dan sesiapa yang disempitkan rezekinya, maka hendaklah dia memberi nafkah dari apa yang diberikan Allah kepadanya (sekadar yang mampu); Allah tidak memberati seseorang melainkan (sekadar kemampuan) yang diberikan Allah kepadanya. (Orang yang dalam kesempitan hendaklah ingat bahawa) Allah akan memberikan kesenangan sesudah berlakunya kesusahan." (S. At-Talaaq: 7).

Melalui ayat ini, Allah SWT antara lain menjelaskan bahawa Dia mengurniakan rezeki kepada manusia menurut kadar yang tertentu. Kerana itu, Allah SWT menganjurkan manusia supaya berbelanja sesuai dengan kemampuan masing-masing. Sesiapa yang dapat mendisiplinkan dirinya dengan tatacara perbelanjaan yang disarankan ini, dia tidak akan dihimpit kesusahan seperti bebanan hutang dan membazir.

Dengan hal yang demikian, amalan berjimat cermat secara berterusan dan istiqamah memungkinkan seseorang itu menikmati kehidupan yang lebih makmur. Manakala mereka yang berbelanja "biar papa asal bergaya" akan dicengkam kesempitan hidup.

Peringatan ini disampaikan oleh Rasulullah SAW melalui sabdanya yang bermaksud: "Sesiapa yang berjimat cermat, tentu Allah memberikan kekayaan kepadanya. Dan sesiapa yang boros, tentu Allah menjadikannya miskin. Dan sesiapa yang merendah diri, tentu Allah akan mengangkat (darjatnya) dan sesiapa yang bongkak atau sombong nescaya Allah akan memutuskannya (memusuhinya)". (HR al-Bazzar).

MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,

Hakikatnya, sebagai pembeli atau pengguna, kita perlu tahu membezakan antara barang-barang daruriyyah (keperluan asas), hajiyah (keselesaan) atau tahsiniyyah (kesempurnaan). Pengetahuan serta kefahaman dalam hal ini penting bagi memandu kita membeli serta memperolehi barang-barang yang benar-benar memenuhi keperluan asas sahaja dan bukannya membeli barang-barang mengikut kemahuan. Pengguna Muslim mesti memberi perhatian kepada aspek ini agar terselamat daripada berbelanja pada perkara-perkara Tarafiyah, yakni perbelanjaan yang membawa kepada pembaziran.

Sehubungan itu, Hari Hak-Hak Pengguna yang diraikan pada 15 Mac setiap tahun diharap dapat meningkatkan kesedaran kita semua terhadap hak dan peranan kita sebagai pengguna. Ia penting kerana kita selaku pengguna menghadapi masalah dalam soal membeli-belah atau perkara yang berkaitan dengan jual beli. Kita harus melengkapkan diri dengan pengetahuan untuk menghadapi masalah-masalah berkenaan bagi mengelakkan daripada menjadi mangsa penipuan pengiklanan.

Pendek kata, kita mesti sedar peranan kita dan berusaha supaya lebih aktif dalam soal mengenal mutu barangan dan harganya. Ini membolehkan kita mengambil tindakan yang wajar jika perlu untuk mengelak kerugian di samping mendapat ganti rugi daripada peniaga atau penjual.

Kita juga perlu bertindak sebagai penyelesaian kepada masalah walau sekecil manapun peranan kita dan jangan sama sekali memberi ruang untuk merumitkan lagi masalah. Kerana itu, kita mesti peka dan sedar akan tanggungjawab kita dalam bidang sosial memerangi sikap peniaga yang lintah darat yang menyusahkan golongan yang berpendapatan rendah dan miskin.

Ini tentunya menuntut kita selaku pengguna supaya bersatu, senada dan sejiwa mengambil tindakan-tindakan yang berpatutan bagi menghukum para peniaga dan pengusaha yang sengaja menaikkan harga barang, menyorok barang-barang keperluan dan sebagainya. Tindakan yang wajar ialah memulaukan peniaga atau premis yang tidak beretika itu selain membuat aduan kepada pihak berkuasa supaya tindakan undang-undang dapat diambil ke atas mereka.

JEMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH SWT,

Kesimpulannya, kenaikan harga barang keperluan dan perkhidmatan yang kian mencengkam kebanyakan orang hari ini boleh ditangani jika kita tahu dan mahu mengawal gaya berbelanja menurut etika perbelanjaan yang dianjurkan agama. Kita perlu berbelanja berdasarkan keperluan dan bukan berdasarkan kemahuan. Layanan terhadap semua kemahuan akan memerangkap kita di bawah payung nafsu.

Sesungguhnya Allah SWT melarang hamba-hamba-Nya daripada menempah kesusahan dan kebinasaan dalam hidup. Oleh itu, berbelanja secara bijak demi menyelamatkan diri dan keluarga dari kepapaan, pembaziran dan kemurkaan Allah SWT.

وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ ﴿٩٠﴾

Maksudnya: “Dan belanjakanlah (apa yang ada pada kamu) kerana (menegakkan) agama Allah, dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu dalam bahaya kebinasaan; dan baikilah (dengan sebaik-baiknya segala usaha dan) perbuatan kamu; kerana sesungguhnya Allah mengasihani orang yang berusaha memperbaiki amalannya.” (S. Al-Baqarah: 195).

بَارِكْ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ وَاسْتَغْفِرُ اللَّهُ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ



Diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadith Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.